

02/07/2002

Rundingan dua hala Malaysia, Singapura bermula

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia dan Singapura hari ini memulakan rundingan dua hala peringkat Menteri Luar bagi menyelesaikan pelbagai isu bersama yang sekian lama tertangguh.

Mesyuarat dua hari di Wisma Putra di sini, diketuai Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya, Prof S Jayakumar.

Ini adalah mesyuarat peringkat menteri pertama diadakan selepas persefahaman yang dicapai antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong pada Sidang Kemuncak Asean di Hanoi Disember 1998.

Antara isu yang masih tertangguh itu ialah berkaitan bekalan air ke republik itu, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad di Singapura, penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia di negara itu, pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Ketika menyampaikan ucapan pembukaannya, Syed Hamid berkata, mesyuarat itu penting kerana melambangkan komitmen dan keikhlasan kedua-dua negara dalam menyelesaikan isu kontroversi berkaitan.

Beliau berkata, tiga pusingan rundingan peringkat pegawai tertinggi sudah diadakan sebelum ini, tetapi belum mencapai sebarang keputusan muktamad.

"Semua mata sedang melihat bagaimana kita akan mencapai penyelesaian. Justeru, penting bagi kita mencapai kata sepakat.

"Kita perlu saling mempercayai, ikhlas dan komited. Kita juga perlu berfikiran terbuka dan mencapai situasi 'menang-menang'," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Singapura juga hendaklah kreatif dan tidak menyukarkan lagi isu-isu rumit yang ada, tetapi menyumbang ke arah penyelesaiannya.

Ditanya pemberita mengenai perkembangan mesyuarat itu selepas kedua-dua delegasi berhenti untuk makan tengah hari, Syed Hamid sambil berjenaka berkata:

"Anda ada lihat muka saya masam ke? Biar kami runding dulu...susahlah kalau setiap rundingan perlu dimaklumkan kepada media."

Sementara itu, Prof Jayakumar dalam ucapan balasnya berkata, kedua-dua negara perlu memahami kedudukan dan pandangan setiap pihak apabila membincangkan isu berkaitan.

"Hanya satu persetujuan yang dicapai bersama akan dapat mengekalkan persahabatan kedua-dua negara. Ia tidak mudah, tetapi saya percaya yang persetujuan dapat diperoleh sekiranya ada semangat kerjasama dan usaha politik di kedua-dua pihak," katanya.

Prof Jayakumar berkata, lebih tiga tahun sudah berlalu sejak kedua-dua Perdana Menteri bertemu di Hanoi dan walaupun pegawai di kedua-dua pihak telah bertemu tiga kali serta Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew ke Kuala Lumpur dua kali untuk menemui Dr Mahathir, tetapi tiada kemajuan mengenai isu itu.

"Saya rasa memang sudah ada usaha politik. Dr Mahathir menghantar surat pada 4 Mac 2002 dan Goh membalas surat itu 11 April, 2002. Langkah terbaru surat menyurat ini telah mewujudkan rangka kerja asas bagi rundingan kita sekarang," katanya.

Beliau berkata, adalah penting bagi kedua-dua pihak tidak lupa mengenai masa depan yang lebih besar bagi menampung kepentingan kedua-dua negara dan mencapai kata sepakat, walaupun Malaysia dan Singapura memperjuangkan

kepentingan masing-masing.

Apabila Lee bertemu Dr Mahathir September lalu, beliau mengumumkan bahawa Singapura akan membayar 45 sen bagi setiap 4,540 liter air mentah sehingga 2061, dan 60 sen bagi setiap 4,540 liter selepas tahun itu, dan akan dikaji semula pada setiap lima tahun.

Di bawah persetujuan 1961, Singapura boleh menerima hingga 88 juta gelen air sehari daripada kawasan tadahan air di Pulaui dan Tebrau serta sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos, 2011.

Perjanjian 1962 membenarkan Singapura menerima 50 juta gelen sehari lagi dari Sungai Johor sehingga 28 September 2061.